



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: RM70,000 lesap terpedaya helah Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 1 September 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 18

RM70,000 lesap terpedaya helah Macau Scam

Kuching: Seorang lelaki kerugian RM70,000 selepas terpedaya helah sindiket Macau Scam yang mendakwa syarikatnya mempunyai tunggakan cukai.

Timbalan Ketua Polis Daerah Padawan, Deputy Superintendan Lim Jaw Shyong, berkata mangsa lelaki tempatan berusia 30-an menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan dirinya kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), jam 3 petang Ahad lalu.

Pemanggil memaklumkan syarikat mangsa di Kedah mempunyai tunggakan cukai yang belum dibayar berjumlah

lebih RM17,000.

“Pada awalnya mangsa menafikan mempunyai syarikat di Kedah, namun perbualan telefon mangsa kemudian telah disambungkan ke satu nombor lain dan bercakap dengan seorang lelaki mendakwa dirinya pegawai polis.

“Mangsa dimaklumkan syarikat di Kedah ada terbabit dalam perubahan wang haram dan mangsa diminta memberikan semua data peribadi, nama dan kata laluan perbankan online serta nombor akaun untuk siasatan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terpedaya dengan dakwaan

itu, mangsa memberikan butir peribadi dan perbankannya kepada pemanggil.

Sementara itu di ibu negara, seorang pereka grafik kerugian RM8,300 selepas menjadi mangsa penipuan menyamar sebagai wakil sebuah syarikat penerbangan terkemuka.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Mahidisham Ishak, berkata siasatan mendapati lelaki berusia 31 tahun itu dihubungi individu berkenaan pada Jumaat lalu, kononnya terdapat mata ganjaran percuma atas namanya boleh ditukarkan dengan wang

tunai RM750.

“Mangsa yang terpedaya kemudian memberi butiran dan maklumat kad debit serta kredit untuk tujuan penebusan mata ganjaran.

“Selepas maklumat diberikan, mangsa menerima makluman daripada bank menyatakan terdapat beberapa transaksi berlaku membabitkan akaunnya berjumlah RM8,300,” katanya dalam kenyataan semalam.

Di Kuantan, seorang pelajar kerugian RM11,739 selepas ditipu tawaran kerja sambilan tidak wujud di laman sosial Facebook.

Ketua Jabatan Siasatan Jena-

yah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata kes berpunca apabila mangsa berusia 21 tahun dari Taman Tanjung Sungai Ruan, Raub, tertarik dengan satu tawaran kerja sambilan untuk satu platform beli-belah atas talian.

“Mangsa menghubungi nombor telefon pada iklan berkenaan dan berurusan dengan seorang wanita yang mendakwa pemilik perniagaan dalam talian membantu peniaga kecil. Mangsa dijanjikan komisen 10 peratus apabila berjaya menyelesaikan tugas,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.